

Pemilik syarikat didakwa 50 pertuduhan kemuka dokumen palsu perdaya Perkeso

KUALA LUMPUR: Tiga pemilik syarikat mengaku tidak bersalah di dua Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 50 pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 berjumlah RM2.4 juta.

Tertuduh termasuk calon parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Datuk Mohd Ridzuan Abdullah, 55, yang bertanding kerusi Parlimen Kuala Langat pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Di hadapan Hakim Rozina Ayob, pemilik dan juga pengarah Era Media Sdn. Bhd., Lee Hong Rong, 24, didakwa atas 31 pertuduhan mengemukakan dokumen palsu untuk memperdayakan Perkeso bagi menuntut Bantuan Mobiliti dan Gaji berjumlah RM1.87 juta.

Menurut pertuduhan, butiran palsu itu terkandung dalam Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja yang dikemukakan kepada kakitangan Perkeso walhal senarai nama dalam dokumen itu tidak menerima bayaran berkenaan.

Di mahkamah sama, Mohd. Ridzuan yang juga pemilik Syarikat PUPA International Sdn. Bhd. mengaku tidak bersalah atas 12 pertuduhan bagi menuntut insentif di bawah program tersebut berjumlah RM378,000.



LEE Hong Rong (kiri) dan RAYMOND Sim (kanan sekali) hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagi menghadapi pertuduhan mengemukakan dokumen palsu berkaitan tuntutan Perkeso.

- UTUSAN/IHSAN SPRM

Mohd. Ridzuan dan Hong Rong didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat Perkeso di Putrajaya pada 2 Mac 2021 dan 21 Jun 2021.

Sementara itu, di hadapan Hakim Suzana Hussin, Raymond Sim, 35, yang merupakan

pemilik syarikat Minbot Sdn. Bhd. dan Fireshot Marketing Sdn. Bhd. mengaku tidak bersalah atas tujuh pertuduhan memberikan borang pengesahan melalui seorang wanita kepada pegawai Perkeso bagi menuntut insentif berjumlah

RM153,200.

Raymond didakwa melakukan perbuatan itu di pejabat Perkeso di ibu negara di antara 3 Jun 2021 dan 15 September 2021.

Semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Rozina membenarkan Mohd. Ridzuan dan Hong Rong masing-masing diikat jamin RM25,000 dengan seorang penjamin bersama-sama syarat tambahan pasport ditahan selain perlu melaporkan diri di pejabat SPRM sebulan sekali sehingga pelupusan kes serta menetapkan 3 Mac ini untuk sebutan kes.

Raymond pula dibebaskan dengan jaminan RM30,000 dan syarat tambahan sama dan sebutan ditetapkan pada 28 Februari ini.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Muaz Ahmad Khairuddin dan Mohammad Mohd Aliff Shaharuzaman manakala peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla mewakili Mohd. Ridzuan sementara Hong Rong diwakili peguam Lim Chi Chau dan peguam Datuk Joshua Kevin mewakili Raymond.

Difahamkan, kedua-dua lelaki berkenaan telah dibebaskan dengan jaminan RM500,000 setiap seorang sejak 9 Februari 2021.

Siti Bainun berhujah tanpa peguam

KUALA LUMPUR: Walau-pun tidak diwakili peguam, pengasas Rumah Bonda, Siti Bainun Ahd Razali, telah diarahkan oleh Mahkamah Sesyen untuk membaca pernyataan saksinya.

Hakim Izralizam Sani memutuskan demikian tidak mahu perjalanan keadilan dalam kes pengabaian dan penganiayaan rema Sindrom Down, Bella terganggu.

Bagaimanapun sebelum Siti Bainun membaca pernyataan saksinya, Timbalan Pendakwa Raya, Zilfinaz Abbas bangkit dan mengemukakan bantahan terhadap pernyataan tersebut.

Menurutnya, terdapat beberapa perenggan di dalam pernyataan tersebut yang dikatakan *leading question*, menyentuh peribadi saksi terdahulu dan kepakaran saksi-saksi pendakwaan.

Izralizam kemudian mengarahkan pendakwaan menyenaraikan perenggan-perenggan yang dimaksudkan dan menyerahkan sesalinan kepada Siti Bainun.